

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1991/92

Okttober/November 1991

FEL 207 Pengantar Kepada Ubat-Ubatan Tradisional

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Terangkan mekanisme-mekanisme tindakan drug asal tumbuhan yang digunakan dalam rawatan mata. Berikan satu contoh tumbuhan serta bahan aktifnya untuk setiap mekanisme tindakan.

(15 markah)

- (B) Terangkan mekanisme-mekanisme tindakan drug katartik. Berikan beberapa jenis contoh tumbuhan untuk setiap mekanisme tindakan.

(10 markah)

2. (A) Terangkan perkara-perkara yang perlu diperhatikan dalam pengambilan (penuaian) drug mentah.

(10 markah)

- (B) Terangkan cara pengawalan mutu drug mentah asal tumbuhan sebelum proses pengilangan.

(15 markah)

3. (A) Senaraikan prinsip-prinsip melakukan tapis uji farmakologi. Berikan satu contoh cara melakukan tapis uji untuk setiap prinsip.

(12 markah)

- (B) Beri penjelasan tentang peranan bidang-bidang berikut di dalam penilaian dan pengawasan ubat tradisional (pilih dua sahaja).

- (a) Fitokimia
- (b) Farmakognosi
- (c) Mikrobiologi

(13 markah)

4. (A) Beri komen anda tentang takrifan 'Perubatan Tradisional' menurut

- (i) Kementerian Kesihatan Malaysia
- (ii) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

(10 markah)

- (B) Bandingkan falsafah dan andaian asas yang terdapat di dalam sistem-sistem perubatan moden dan perubatan tradisional.

(15 markah)

5. (A) (i) Terangkan maksud-maksud keselamatan, kualiti dan kemujaraban bagi ubat tradisional.

(ii) Bagaimanakah seorang ahli farmasi dapat membantu bagi mencapai maksud-maksud tersebut.

(15 markah)

(B) Terangkan pendekatan yang menyeluruh bagi penyelidikan dan pembangunan ubat tradisional secara saintifik.

(10 markah)